

# Serangan bom hanya rugikan umat Islam

UM 22 NOV 2003

Oleh NAZARUDIN SHAHARI  
dan SITI MARIAM MD. ZAIN

**J**ITRA 21 Nov — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam tidak akan memperoleh apa-apa faedah daripada serangan bom berani mati di Istanbul, Turki semalam.

Sebaliknya, beliau berkata, keadaan akan menjadi semakin buruk sehingga akan ada pihak yang mendakwa Islam sebagai agama penganas.

“Kita menjadi marah apabila orang berkata demikian terhadap kita tetapi ada di antara kita yang membalasnya dengan melakukan keganasan juga,” katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa di

Masjid Bandar Darulaman di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

Dalam kejadian di Istanbul itu, sekurang-kurangnya 27 orang terbunuh dan hampir 450 lagi cedera dalam dua serangan bom berani mati di Konsulat British dan ibu pejabat HSBC.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya umat Islam ingin membebaskan diri mereka daripada tekanan dan serangan musuh-musuh Islam, mereka perlu membuat persediaan yang

mencukupi dan bukan dengan meletupkan bom di tempat awam sehingga membunuh nyawa yang tidak berdosa.

“Perbuatan membalas dendam tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya akan menimbulkan lebih banyak masalah,” ujar beliau.

Kata Dr. Mahathir, walaupun umat Islam tidak memiliki senjata yang canggih namun mereka masih mempunyai ‘senjata’ lain yang boleh digunakan seperti ekonomi, kewangan, sumber minyak dan bilangan umat Islam yang ramai.

“Kalau kita menyusun strategi dengan rapi dan terancang, Insya-Allah umat Islam akan mencapai kemenangan,” katanya.